



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 23 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BERNAS PACU TRANSFORMASI PERTANIAN MELALUI RAKAN TANI PINTAR AI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BERNAS PERKENAL RAKAN TANI PINTAR AI, BANTU PESAWAH TINGKAT HASIL, PRODUKTIVITI, NEGARA, KOSMO, M/S – 5	
3.	KOPI PERAK DI LANDASAN TEPAT, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4.	PENIAGA GUNA ALASAN PERAYAAN, CUACA UNTUK NAIKKAN HARGA IKAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 6	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	KERJASAMA AGROBANK, TERAJU TAWAR PROGRAM BSSF, NIAGA, KOSMO, M/S – 37	AGROBANK
6.	TEKNOLOGI MODEN PERKASA SEKTOR PERIKANAN, KELANTAN, HAKAH, M/S – 10	LAIN-LAIN
7.	KIULU WOMEN DRIVE AGROTOURISM, NATION, THE STAR, M/S – 3	
8.	UPM TERAJUI INOVASI PERTANIAN PINTAR, DUNIA KAMPUS, HAKAH, M/S – 6	
9.	FARMERS TAKE FLIGHT WITH DRONES, LIFE & TIMES, NEW STRAITS TIMES, M/S – 12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

BERNAS pacu transformasi pertanian melalui Rakan Tani Pintar AI

Oleh AMIRUL AIMAN OSMAN
aiman.osman@medianullia.com.my

PETALING JAYA: Kerjasama awam-swasta melalui Projek Rakan Tani Pintar yang berasaskan sistem kecerdasan buatan (AI) oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) baru-baru ini bakal memacu perubahan berinovasi dalam sektor penanaman padi negara. Inisiatif ini menyokong usaha peningkatan pengeluaran hasil padi menggunakan teknologi terkini yang mudah dan mesra pengguna, sesuai untuk kegunaan golongan pesawah di negara ini.

Ketua Jabatan Pengurusan Ladang BERNAS, Mohd Zakri Zulkafli berkata, projek ini merupakan satu kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Digital, Pejabat AI Kebangsaan (NAIO), BERNAS dan The Hive Global AI Village.

"Inisiatif ini yang menggunakan aplikasi AI co-pilot yang pertama dalam sektor penanaman padi di Malaysia, berfungsi sebagai 'pakar pertanian' dalam memberikan nasihat, garis panduan dan cadangan harian kepada pesawah melalui aplikasi WhatsApp.

Melalui Rakan Tani Pintar AI, kita mahu menguruskan sawah secara lebih efisien menggunakan teknologi supaya hasil dapat ditingkatkan.

Pelaksanaan projek ini adalah seiring dengan usaha berterusan kerajaan untuk memperkukuh keterjaminan makanan. Bajet 2026 yang dibentangkan telah memperuntukkan subsidi pertanian terbesar dalam sejarah berjumlah RM2.62 bilion bagi membantu pesawah tempatan.

Selain itu, langkah memperluaskan insentif cukai automasi bagi sektor pertanian dijangka dapat mempercepatkan adaptasi teknologi moden dan menggalakkan amalan pertanian pintar. Inisiatif seperti Rakan Tani Pintar AI turut menyokong usaha ini di peringkat akar umbi dengan membolehkan pesawah memanfaatkan teknologi secara langsung dalam aktiviti harian mereka.

RAKAN TANI SEBAGAI 'PAKAR PENASIHAT' DI Hujung JARI PESAWAH

Menurut Zakri, Rakan Tani Pintar AI membolehkan pesawah memperoleh panduan khusus bermula daripada proses penyediaan, semaian, penggunaan baja, kawalan racun sehingga ke peringkat menuai.

"Kelebihan utama sistem ini



Penjagaan padi yang betul dan menggunakan input pertanian tepat pada masanya boleh memberikan hasil yang baik."

MOHD ZAKRI ZULKAFLI

ialah setiap nasihat diperibadikan mengikut umur padi, varieti tanaman dan keadaan setempat, berbeza dengan panduan umum di internet.

"Contohnya, sistem akan mencadangkan aktiviti seperti pembajaan atau kawalan perosak dan penyakit pada masa yang tepat mengikut varieti padi dan peringkat penanaman. Ia turut memberikan gambaran awal tentang kesan yang boleh dilihat secara fizikal pada pokok padi selepas aktiviti tersebut dilaksanakan," katanya.

Tambahnya, aplikasi itu juga akan mengintegrasikan data cuaca setempat bagi menentukan waktu terbaik menjalankan aktiviti sawah. Misalnya, apabila nak meracun, sistem akan mengingatkan supaya elak ketika hujan atau angin kuat bagi mengelakkan pembaziran dan memelihara ekosistem alam sekitar.

"Pesawah juga boleh menghantar mesej suara di samping teks dalam bahasa Melayu, Inggeris malah dialek negeri seperti Kelantan dan Sarawak. Kita mahu pesawah selesai berinteraksi tanpa perlu risau guna bahasa baku," katanya.

Beliau berkata, sistem yang bakal menjadi rakan pintar kepada pesawah itu juga turut menyimpan rekod tanaman sejak mula proses penanaman, sekali gus memudahkan pesawah memantau perkembangan sawah dari semasa ke semasa dan boleh menjadi rujukan untuk perancangan

penanaman musim hadapan.

MENARIK GOLONGAN MUDA DAN LONJAKAN PRODUKTIVITI

Zakri berkata, penggunaan teknologi moden seperti teknologi jentera mesin, dron, Internet Kebendaan (IoT), AI adalah kunci untuk memodenkan sektor pertanian negara untuk pengurusan sawah yang lebih efisien ke arah produktiviti optimum.

Kita mahu tarik lebih ramai pesawah muda kerana kini sejumlah besarnya adalah golongan yang berusia 60 tahun ke atas. Pertanian perlu dilihat profesional dan berteknologi tinggi supaya generasi baru kini berminat.

"Bila mereka lihat sektor ini sudah moden, mereka tidak lagi menganggap kerja sawah sebagai beban, tetapi satu kerja berteknologi, pulangan tinggi dan mampan," katanya.

Projek perintis Rakan Tani Pintar AI akan dijalankan di kawasan sawah padi melibatkan beberapa kumpulan pesawah selama 10 minggu.

"Maklum balas ini akan digunakan untuk menambah baik sistem sebelum dikomersialkan ke seluruh negara," katanya.

Sementara itu, katanya, pesawah berdaftar negara dijangka bakal mendapat manfaat selepas dilancarkan pada awal tahun 2026 nanti.

SISTEM RAKAN TANI AI MUDAH DIGUNAPAKAI

Katanya, walaupun pada mulanya ada kebimbangan tentang kesukaran menggunakan sistem namun maklum balas yang diterima amat positif selepas ditunjukkan cara berfungsi.

"Pesawah kata mudah digunakan kerana mereka sudah terbiasa menggunakan WhatsApp, manakala pegawai lapangan kita juga turut memberi tunjuk ajar secara langsung.

"Fokus kita adalah meningkatkan hasil padi, menurunkan kos dan menjamin keuntungan pesawah. Secara keseluruhan, Rakan Tani Pintar AI bukan sekadar projek berimpak tinggi dan berpandukan teknologi, ia juga menyokong aspirasi kerajaan untuk meningkatkan tahap sara diri (SSR) beras kepada 80 peratus menjelang 2030 melalui inisiatif-inisiatif di antaranya juga ialah Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)," katanya kepada Utusan Malaysia.



RAKAN Tani Pintar AI membolehkan pesawah memperoleh panduan khusus bermula daripada proses penyediaan, semaian, penggunaan baja, kawalan racun sehingga ke peringkat menuai.

BERNAS perkenal Rakan Tani Pintar AI, bantu pesawah tingkat hasil, produktiviti

PROJEK Rakan Tani Pintar berasaskan kecerdasan buatan (AI) yang pertama dibangunkan khusus untuk pesawah di Malaysia, bakal merencanakan lagi aktiviti penanaman padi dan sekaligus dapat menyokong usaha ke arah peningkatan pengeluaran padi di seluruh negara.

Melalui aplikasi mudah yang boleh dicapai menerusi WhatsApp sebagai medan komunikasi bagi Rakan Tani Pintar AI, ia memudahkan pesawah mendapatkan maklumat dengan cepat, dalam masa nyata (on realtime) dan terus di hujung jari para pesawah seolah-olah membawa 'pakar penasihat' terus ke sawah pada setiap masa.

Ketua Jabatan Pengurusan Ladang Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), Mohd Zakri Zulkafli berkata, inisiatif berkenaan dibangunkan menerusi hasil kolaborasi awam – swasta di antara Kementerian Digital, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Pejabat AI Kebangsaan (NAIO) dan The Hive Global AI Village, manakala BERNAS menyumbang kepakaran dalam bidang pengurusan sawah.

"Rakan Tani Pintar AI ini merupakan satu sistem membolehkan pesawah mendapatkan nasihat bermula dari awal persediaan hinggalah proses menuai padi. Ini termasuk berkenaan pemuliharaan kesuburan tanah sawah, baja, penggunaan racun bagi mengawal rumpai, serangga perosak dan penyakit berkaitan padi.

Menurut Zakri, penjagaan padi yang betul dan menggunakan input pertanian tepat pada masanya mampu memberikan hasil yang baik.



APLIKASI Rakan Tani Pintar AI melalui WhatsApp membantu meningkatkan produktiviti tanaman padi, selaras dengan adaptasi pertanian moden lain seperti penggunaan dron dan jentera.

"Pesawah hanya perlu menghantar WhatsApp kepada Rakan Tani Pintar AI dan ia akan memberikan panduan secara spesifik mengikut umur padi, jenis padi yang ditanam mengikut keadaan setempat," katanya menerusi temu bual khas.

"Pesawah pada hari tersebut tidak pasti nak buat apa, dia boleh

buka WhatsApp mendapatkan nasihat Rakan Tani Pintar AI. Contohnya hari itu adalah hari ke-25 penanaman, jadi waktu sesuai untuk melakukan pembajaan kedua.

"Sistem itu turut memberi jangkaan kepada pesawah mengenai kesan selepas aktiviti dilakukan. Sebagai contoh, selepas pembajaan, mereka boleh melihat perubahan fizikal seperti perubahan warna daun," katanya.

Integrasi Sistem Merangkumi Setiap Aspek

Mohd Zakri berkata, sistem itu juga bakal diintegrasikan dengan ramalan cuaca setempat dan ini membolehkan pesawah melakukan aktiviti sawah berdasarkan maklumat yang diberikan.

"Apabila nak meracun misalnya, keadaan ketika itu mestilah tiada angin kuat, hujan atau sangat panas. Jadi sistem itu akan

memberikan respons waktu terbaik untuk melakukan aktiviti tersebut."

"Menariknya bukan sahaja boleh menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris, malah dengan dialek negeri-negeri sekali gus tidak perlu menghantar mesej menggunakan bahasa baku. Mesej berbentuk suara juga boleh dihantar," katanya.

Teknologi Moden Untuk Tarik Golongan Muda

Mengulas lanjut, Mohd Zakri berkata, penggunaan Rakan Tani Pintar AI antara usaha menarik golongan muda menceburi penanaman padi yang mana ketika ini sebilangan besar pesawah terdiri daripada usia 60 tahun ke atas.

"Selain pengurusan sawah lebih baik, kita percaya dengan teknologi jentera mesin, dron, Internet Kebendaan (IoT), kecerdasan buatan dengan pelbagai lagi inisiatif, kuncinya kita mahu sektor pertanian dimodenkan sekali gus menarik generasi muda," katanya.

Mohd Zakri berkata, untuk itu pengujian projek Rakan Tani Pintar AI telah dijalankan melibatkan pakar agronomi dan pegawai lapangan BERNAS, sebelum ia akan mula digunakan menerusi projek perintis dalam masa terdekat ini.

"Projek masih dalam peringkat ujian sebelum kita ke peringkat seterusnya secara komersial.

Projek perintis dijangka akan bermula dalam masa terdekat melibatkan beberapa kumpulan pesawah.

"Kita akan melakukan demonstrasi bersama pesawah, sesi latihan, manakala kru teknikal dan pegawai lapangan juga turun memberi tunjuk ajar," katanya.

"Setakat ini, maklum balas diterima daripada tinjauan pesawah di kawasan adalah positif, biarpun pada mulanya mereka

risau susah digunakan. Selepas kita tunjuk ajar dan cara berfungsi, ramai menyatakan senang digunakan.

Beliau berkata, menerusi projek perintis berkenaan, segala maklum balas, impak dan keputusan daripada penggunaan Rakan Tani Pintar AI akan diambil untuk ditambah baik.

Katanya, sistem itu dijangka dikomersialkan di seluruh negara dan selepas pelancaran pada awal tahun 2026, ini sekali gus bakal memberi manfaat kepada pesawah berdaftar di seluruh negara.

AI Kurangkan Kos Kepada Pesawah

"Fokus utama kita hendak memperoleh hasil padi, menurunkan kos dan pesawah mendapat keuntungan yang lebih. Secara purata, ia akan memberi hasil kepada negara dalam memastikan keterjaminan makanan pada masa akan datang.

"BERNAS juga ke hadapan menerusi penggunaan teknologi termasuk imej satelit, AI dan sebagainya. Kesemua ini adalah untuk melengkap sokongan kepada kerajaan untuk meningkatkan hasil padi negara," katanya.

Ujarnya, penggunaan alatan canggih dengan teknologi tinggi menjadikan sektor pertanian dilihat lebih profesional di mata golongan muda sekali gus tarikan mereka untuk menceburi penanaman padi.

"BERNAS bukan sahaja mahu menaik taraf pesawah, bahkan mengukuhkan keterjaminan makanan di Malaysia selaras Agenda Sekuriti Makanan Negara dengan Kadar Sara Diri menjelang 2030 mencapai 80 peratus melalui inisiatif-inisiatif di antaranya juga ialah Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)," katanya.

Program Rakan Tani Pintar AI diperkenalkan pada masa yang signifikan, ketika usaha memperkuatkan keterjaminan makanan terus menjadi keutamaan kerajaan. Penekanan ini terserlah melalui peruntukan subsidi pertanian tertinggi dalam sejarah bagi pesawah padi di bawah Bajet 2026 serta pelbagai inisiatif lain untuk memperkasa komuniti tani.

Di peringkat akar umbi, Rakan Tani Pintar AI akan terus menyokong usaha memacu produktiviti jangka panjang melalui penerapan teknologi berskala besar, sekali gus membolehkan pesawah memanfaatkan kemajuan digital secara langsung dalam aktiviti harian mereka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2025	HARIAN METRO	LOKAL	20

30 HEKTAR TANAMAN VARIETI LIBERICA CAPAI 235 METRIK TAN TAHUN INI

Kopi Perak di landasan tepat

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh:

Pengeluaran Kopi Perak dari varieti Liberica yang ditanam seluas hampir 30 hektar membabitkan lima daerah di negeri ini mencapai angka 235 metrik tan setakat tahun ini sejak mula dipasarkan pada 2024.

Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Norsiyenti Othman berkata, peruntukan sebanyak RM1.05 juta disalurkan kerajaan negeri dan Persekutuan untuk Program Pembangunan Tanaman Kopi ke arah memperkukuhkan pembangunan di sepanjang rantai pengeluaran sehingga kini.

Menurutnya, susulan hasrat menjadikan Perak sebagai pengeluar utama kopi di Malaysia, program pembangunan tanaman kopi ke arah pengukuhan pembangunan di sepanjang rantai pengeluaran giat diperkasa khususnya bagi rantai pertengahan antara peringkat ladang dan peruncit (brewer).

"Petani menanam pokok kopi tetapi tiada tukang petik serta brewer yang datang membeli terus dari petani disebabkan biasanya di peringkat brewer, mereka hendak kopi *green bean* (biji kopi mentah)



ANTARA peserta yang menyertai Seminar Kopi Perak 2025 Jabatan Pertanian Negeri Perak.

"Jumlah pengeluaran bagi keluasan ini adalah 235 metrik tan"

Norsiyenti

yang sudah siap dikupas dan dikeringkan (diproses) sebelum dipanggang.

"Ketika ini tiada atau sangat kurang bagi *service provider* (penyedia perkhidmatan) yang berada di peringkat antara ladang dan brewer menyebabkan brewer lebih gemar membeli biji kopi mentah dari luar negara lalu petani tidak beroleh pendapatan.

"Jadi, rantai antara

petani dan brewer itu yang kita hendak wujudkan bermula tahun lalu dengan hasrat supaya bila petani tanam pokok kopi, maka ada pihak yang memetik, beli, keringkan dan kupas biji kopi mentah itu dan menjualnya kepada brewer," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program tiga hari Seminar Kopi Perak 2025 Jabatan Pertanian Negeri Perak di sebuah hotel, di sini, kelmarin.

Menurutnya, penanaman aktif pokok kopi Liberica di Perak setakat ini mempunyai edaran sebanyak 29,094 pokok kopi dengan sasaran pengelu-

ran sebanyak 8 metrik tan bagi sehektar dalam setahun.

Katanya, permintaan pasaran yang semakin meningkat di dalam dan luar negara turut membuka peluang perniagaan baharu khususnya kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) seterusnya bakal mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan rakyat.

"Jumlah pengeluaran bagi keluasan ini adalah 235 metrik tan.

"Program akan diteruskan dalam Rancangan Pembangunan Perak ke-13 iaitu bagi tahun 2026-2030

TANAMAN KOPI DI NEGERI PERAK

Jumlah keluasan
29.41
hektar

Jumlah petani
35
orang

Varieti
Liberica dan Robusta

HULU PERAK
22 orang
14.51 hektar

LARUT
1 orang
0.5 hektar

KUALA KANGSAR
2 orang
0.6 hektar

BATANG PADANG
2 orang
4 hektar

BAGAN DATUK
8 orang
9.8 hektar

INFOGRAFIK | Metro

dengan sasaran penambahan kawasan penanaman dan meningkat pengeluaran, melahirkan lebih ramai pembeli biji kopi, pemborong serta pemanggang kopi tempatan ke arah pengeluaran produk dan jenama kopi tempatan.

"Pelaksanaan Program Pembangunan Industri Kopi disokong penuh oleh kerajaan negeri dengan pelbagai inisiatif dirancang untuk menjadikan Perak sebagai pengeluar utama kopi di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pihaknya

melihat pertambahan keluasan tanaman kopi di Perak daripada 10 hektar kepada 30 hektar dalam tempoh dua tahun kebelakangan sebagai perkembangan positif dalam hasrat mengangkat penjenamaan Kopi Perak yang terhasil daripada tanaman dan pemprosesan biji kopi di negeri ini.

"Melalui jenama Kopi Perak ini, kita pernah dijemput empat negeri iaitu Selangor, Putrajaya, Kelantan dan Terengganu untuk jual dan promosi jenama ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

Peniaga guna alasan perayaan, cuaca untuk naikkan harga ikan

LKIM syor wujud akta khusus pantau kenaikan, tubuh konsortium pastikan bekalan mencukupi

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mendedahkan bekalan harga ikan di manipulasi golongan peniaga sehingga harga ikan meningkat secara mendadak terutama ketika musim tertentu.

Kebanyakan peniaga menggunakan alasan musim perayaan serta Monsun Timur Laut untuk menaikkan harga dengan alasan bekalan berkurangan, sedangkan bekalan ikan tidak terjejas

dan mencukupi.

Tindakan menaikkan harga ikan sesuka hati itu juga disebabkan tiada harga siling ditetapkan untuk harga ikan.

Pengerusi LKIM, Faiz Fadzil, berkata setiap kali menjelang perayaan atau Monsun Timur Laut, situasi sama yang berlaku iaitu harga ikan meningkat kerana bekalan ikan berkurangan disebabkan nelayan tidak dapat ke laut.

Bekalan mencukupi

"Sedangkan bekalan yang kita ada adalah mencukupi, malah setiap kali berlaku Monsun Timur Laut, kita membuat persediaan rapi bagi memastikan bekalan ikan stabil sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga bulan menerusi simpanan LKIM dan pihak swasta.

"Malah untuk musim tengkujuh, hanya beberapa negeri yang terjejas bukannya seluruh negara.

"Bagaimanapun sebaliknya yang berlaku apabila harga meningkat hampir di setiap negeri

walaupun negeri yang tidak terbabat dengan banjir.

"Di sinilah kita melihat berlaku manipulasi harga dalam kalangan peniaga.

"Isu yang berlaku ini bukan kesalahan nelayan, sebaliknya peniaga yang menaikkan harga menggunakan alasan tertentu," katanya kepada BH.

Sehubungan Faiz berkata, bagi menangani perkara berkenaan, kerajaan perlu mewujudkan akta khusus bagi mengawal bekalan ikan dan pemantauan harga.

"Dengan adanya akta berkenaan,

peniaga tidak boleh menaikkan harga ikan sesuka hati kerana menerusi akta berkenaan akan ada harga siling ditetapkan bagi setiap jenis ikan yang dijual.

"Menerusi undang-undang itu sahaja kita dapat mengawal harga ikan dan peniaga akan takut untuk menaikkan harga sesuka hati sebagaimana sekarang.

"Walaupun sekarang ini kita sudah ada Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011), ia masih tidak mencukupi," katanya.

Beliau berkata, selain memerlukan kerjasama beberapa Kementerian untuk menangani harga ikan, kerajaan juga perlu menubuhkan konsortium bagi memastikan bekalan ikan mencukupi.

"Sebagai contoh untuk bekalan beras, kita ada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang mengawal selia bekalan, begitu juga dengan ikan perlu ada konsortium yang menguruskannya.

"Pada masa sama juga, LKIM kini dalam kajian mahu mendidik orang ramai supaya makan ikan secara berhemah. Sebagai contoh Pantai Timur suka ikan tongkol dan sepanjang masa mahu ikan tongkol. Sepatutnya jika musim tertentu bekalan ikan tongkol berkurangan, sepatutnya sebagai pengguna bertukar kepada spesies ikan yang lain.

"Jangan menumpukan kepada satu-satu spesies sahaja dan disebabkan itu peniaga akan mengambil kesempatan," katanya.

Isu yang berlaku ini bukan kesalahan nelayan, sebaliknya peniaga yang menaikkan harga dengan gunakan alasan tertentu

Faiz Fadzil,
Pengerusi LKIM



Kerjasama Agrobank, Teraju tawar program BSSF

PETALING JAYA - Agrobank dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) telah memeterai surat hasrat bagi inisiatif Bumiputera Sabah & Sarawak Scale-Up Fund (BSSF) bersempena Persidangan Ekonomi Digital Antarabangsa Sarawak (IDECS) 2025.

Program BSSF ini bertujuan untuk menyediakan sokongan pembiayaan bersasar bagi membantu perusahaan bumiputera memperkukuh daya saing, memperluas pasaran dan meningkatkan keupayaan operasi mereka.

Melalui inisiatif ini juga Agrobank dan Teraju berhasrat untuk memacu pertumbuhan sosio ekonomi yang mampan serta menyumbang kepada ketahanan ekonomi jangka panjang di kedua-dua wilayah tersebut.

Teraju menyediakan peruntukan nilai jaminan berjumlah RM15 juta bagi menyokong pelaksanaan skim ini dengan sasaran portfolio keseluruhan pembiayaan berjumlah RM50 juta untuk usahawan mikro dan kecil bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Melalui skim ini juga, usahawan mikro dan kecil bumiputera di Sabah dan Sarawak yang memohon memohon pembiayaan dengan Agrobank sehingga

RM500,000 dengan tempoh pembiayaan maksimum lima tahun dan kadar keuntungan tidak melebihi lima peratus setahun, layak didaftarkan di bawah skim ini dan menerima manfaat jaminan tunai daripada Teraju.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin

berkata, pelaksanaan dana ini mencerminkan komitmen bank tersebut untuk terus menyokong pembangunan usahawan mikro dan kecil bumiputera luar bandar melalui kemudahan pembiayaan yang inklusif dan mudah diakses.

"Kerjasama ini memperkukuh peranan Agrobank sebagai insti-

tusi pembangunan yang bukan sahaja menyediakan pembiayaan tetapi turut menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi wilayah Sabah dan Sarawak," katanya di sini semalam.

Penyediaan jaminan tunai oleh Teraju bertujuan mengurangkan halangan akses pembiayaan bagi syarikat bumiputera

yang berpotensi, khususnya dalam sektor pertanian dan perusahaan bernilai tinggi.

Selain itu, melalui BSSF, inisiatif ini akan memastikan lebih ramai usahawan mikro dan kecil bumiputera di Sabah dan Sarawak dapat berkembang dengan sokongan kewangan yang mampan serta lebih berdaya saing.



WAKIL daripada Teraju, Agrobank bergambar bersama pada majlis pemeteraian memorandum pada IDECS 2025 di Kuching, Sarawak baru-baru ini.

TARIKH

23/10/2025

MEDIA

KOSMO

RUANGAN

NIAGA

MUKA SURAT

37

Teknologi moden perkasa sektor perikanan

KOTA DARULNAIM: Kerajaan Negeri Kelantan menyalurkan peruntukan sebanyak RM25,000 bagi memperkasakan penggunaan teknologi moden dalam kalangan nelayan, khususnya ahli Persatuan Nelayan Kawasan Kota Bharu, bagi meningkatkan kecekapan serta keselamatan mereka di laut.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata inisiatif itu membuktikan komitmen kerajaan negeri dalam memodenkan sektor perikanan sebagai salah satu teras penting ekonomi pesisir.

"Daripada jumlah tersebut, bantuan telah diagihkan ke-

pada 15 orang nelayan melibatkan dua unit pukat, lapan unit GPS, dan lima unit 'Echo Sounder'. Penggunaan peralatan moden ini diyakini dapat membantu nelayan mengesan lokasi ikan, menganggarkan kedalaman air serta mengelakkan risiko kemalangan di laut," katanya.

Menurut beliau, 'Echo Sounder' kini menjadi keperluan penting dalam operasi perikanan kerana ia bukan sahaja menjimatkan masa, malah mampu meningkatkan hasil tangkapan melalui maklumat yang lebih tepat mengenai pergerakan ikan di dasar laut.

Tambahnya lagi, kerajaan negeri melalui portfo-

lio Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi akan terus memberi tumpuan kepada pengukuhan sektor perikanan dengan pendekatan berteknologi tinggi agar terus berdaya saing dan mampan.

Terdahulu, Dato' Tuan Mohd Saripudin bersama komuniti nelayan Kota Bharu berhimpun di Dewan Serbaguna Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Kelantan, Kuala Besar, bagi membincangkan isu serta keperluan semasa golongan nelayan.

Program tersebut turut menjadi platform interaksi secara langsung antara kerajaan dan komuniti nelayan bagi memastikan setiap ben-



Tuan Mohd Saripudin

tuk bantuan yang disalurkan benar-benar menepati keperluan sebenar di lapangan. (Sumber: Media Point)

Kiulu women drive agrotourism

From side hustle to sustainable hub, a simple activity has borne fruit for the community

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: What started as a modest side hustle to earn cash in Interior Kiulu three years ago has since exploded, transforming into a dual engine that fuels sustainable food sources for the community and driving a vibrant, immersive eco-tourism destination for visitors.

The initiative began when 24 women from Kg Bambangan Lama came together and formed a group to plant vegetables at the village recreational centre.

This commitment quickly bore fruit, evolving into a sustainable enterprise where they meticulously plant, harvest and sell their own high-quality produce, including cherry tomatoes, eggplant, kailan and winter melon.

This seemingly simple activity now provides a crucial layer of support for their entire community.

According to Catherine Barantis, the chairperson of the women's vegetable farm, some of the bounty is sold directly to nearby supermarkets, while the rest pro-



On site:
Catherine Barantis (right) briefing Joniston about their works.

contribute to agrotourism.

The female-run recreational centre is now being developed as part of an agrotourism initiative, where visitors can experience simple farm-to-table activities such as picking vegetables from the garden and learning about village life.

Last year, the Kampung Bambangan Lama Recreational Centre received a nomination for the Asean Community-Based Tourism Standard due to its community-driven approach; however, it did not succeed in making the final selection.

During his visit to the village on Monday, Bangkuai commended the participants for their efforts, describing it as an example of how rural women can drive community-based tourism through their own initiative.

"These women are not just helping their families; they're showing how empowerment can start at the community level."

"They show that through cooperation and creativity, small community projects can bring value to both the people and the tourism experience," he said.

build a fence around their communal farm to prevent stray animals from damaging their crops.

"We are grateful for the support. With the fence, we can now focus on improving our farm," said Barantis.

Furthermore, she said it would continue to empower them to

RM4,000 a year.

"It may not sound like a lot, but it's our effort."

"We also grow food for our families to eat, so nothing goes to waste," she said.

Recently, the women received assistance from Kiulu assembly-

man Datuk Joniston Bangkuai to

vides fresh, healthy food for their consumption.

She said the earnings were small but made a difference since some had no income before.

This activity, she explained, enables participants to earn a bit of pocket money.

"Now, some of us can earn up to

UPM terajui inovasi pertanian pintar

Oleh NORHANA MAT ZIN

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) terus memperkukuh kedudukannya sebagai peneraju inovasi pertanian negara dengan pelancaran Kilang Tanaman Fakulti Pertanian, iaitu projek Signature Programme UPM-Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) yang menjadi pemangkin utama kepada agenda keterjaminan makanan negara.

Pengerusi Ahli Lembaga UPM, Prof. Emeritus Dato' Dr Ibrahim Komoo, berkata projek ini merupakan manifestasi kerjasama strategik antara universiti dan agensi pembangunan teknologi dalam memperkasa inovasi pertanian pintar berasaskan teknologi tinggi serta elemen Industri 4.0.

"Kilang tanaman ini

bukan sahaja berfungsi sebagai medan penyelidikan dan pembelajaran, malah menjadi tapak rujukan nasional bagi amalan pertanian bandar berdaya tahan iklim.

Hasilnya, pelbagai varieti salad bernilai tinggi berjaya dihasilkan sejak operasi bermula April 2025, membuktikan penyelidikan universiti mampu diterjemahkan kepada produk komersial yang menyumbang kepada keterjaminan makanan negara," katanya menerusi satu kenyataan di laman sosial rasmi UPM.

Tambah beliau, inisiatif ini turut menyokong agenda Selangor Smart State 2025 dan Ekonomi MADANI, selain membuka peluang kepada pelajar UPM untuk diterapkan dengan kemahiran dalam bidang automasi, Internet of Things

(IoT), analitik data dan bioteknologi makanan.

"UPM berperanan sebagai jambatan utama antara penyelidikan, industri dan komuniti dalam membentuk ekosistem pertanian moden yang lestari," katanya lagi.

Pelancaran projek ini turut diserikan dengan penganjuran Persidangan Komuniti Pertanian Kebangsaan (PKPK) 2025, yang menghimpunkan lebih 1,000 peserta dari pelbagai sektor bagi memperkukuh pembangunan pertanian mampan dan menggalakkan penyertaan generasi muda dalam bidang pertanian.

Sementara itu, Reruai Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan, Fakulti Kejuruteraan UPM, mencuri perhatian pengunjung di PKPK 2025 apabila menampilkan pelbagai juadah tradisional tempatan seperti kuih koci dan talam



Dr Ibrahim (empat dari kiri, depan) meninjau hasil tanaman Fakulti Pertanian di Persidangan Komuniti Pertanian Kebangsaan (PKPK) 2025.

berlauk yang disediakan bersama pengusaha makanan tradisional.

Menurut pensyarah jabatan berkenaan, Puan Zanariah Mohd Dom, penyertaan mereka bertujuan memperkenalkan semula makanan warisan kepada masyarakat melalui pendekatan interaktif.

"Kami mahu orang ramai mengenali semula makanan tradisional seperti emping dan kuih koci yang semakin sukar didapati.

Melalui pameran dan soal selidik ini, kami dapat memahami sebab generasi muda kurang mengenali

makanan tradisional serta mencari cara terbaik untuk menghidupkannya kembali," jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa bidang kejuruteraan pertanian dan makanan memainkan peranan penting dalam menambah baik kaedah penyediaan dan pemrosesan makanan tradisional agar lebih efisien tanpa menjejaskan keaslian rasa serta teksturnya.

Usaha ini bukan sahaja mengekalkan warisan kuliner negara, tetapi juga membuka ruang kepada inovasi berasaskan teknologi tempatan.



Deputy Investment, Trade and Industry Minister Liew Chin Tong officiating at the launch of the Mist Tec 50 at DronTech Asia 2025 recently. BY BY AONIC SDN BHD

Farmers take flight with drones

JUST a few years ago, agricultural drones were a novelty in Malaysia.

Today, they are a familiar sight buzzing across padi fields in Kedah and Perlis — heralding a quiet revolution in how farmers work their land.



THE COVID-19 FACTOR

According to Aonic Sdn Bhd founder and chief executive officer Cheong Jin Xi, drone adoption accelerated sharply during the Covid-19 pandemic, when farmers faced severe labour shortages.

"Because we couldn't get foreign workers, farmers had no choice but to adopt drones. That was when we saw a big jump in usage," he said.

Farmers have since become the leading adopters. A single drone can spray between 20 and 30 hectares a day — a task that would take several days to complete manually.

"It's a no-brainer for padi. The efficiency is 20 to 30 times greater," said Cheong, adding that oil palm plantations are still in the early stages, with adoption in single digits.

MALAYSIA'S FIRST

This year, Aonic unveiled its Mist Tec 50, the first locally developed large-capacity agricultural drone, at DronTech Asia 2025 in Kuala Lumpur recently.

Capable of carrying up to 50 litres of liquid, the Mist Tec 50 represents a major step forward in productivity for large-scale farms.

Farmers can use the company's locally developed flight applications to programme drones for precise point-to-point or blanket spraying.

Specialised attachments, such as the R-drop dispenser, can release pellets or baits with aerial accuracy — helping farmers treat hard-to-reach areas and protect open-field and tree-based crops more efficiently.

BUILDING SKILLS

Cheong said technology alone is not enough as human capital is also needed to operate it.

"We also invest heavily in people." Aonic's training arm, the Aonic Academy, provides certification courses through Drone Academy Asia (DAA) to build professional skills in drone operations.

Artificial intelligence is now taking this a step further. Newer drones are equipped with AI-powered features that can count trees, estimate yields and provide data-driven insights to help farmers plan better.

This combination of automation and intelligence represents the future of precision agriculture in Malaysia," said Cheong.

Instead of carrying a 30kg sprayer under the sun, they can now operate drones under the shade of a tree.

Cheong Jin Xi



MAKING REGULATIONS WORK

Malaysia has also moved to streamline drone regulations to support industry growth.

Beyond the existing Remote Pilot Competency Certificate (RCOC), a new Agriculture-Like Certification (CMAL) is being developed to simplify licensing for smallholders.

"The government is working closely with us to ensure regulations remain

practical for farmers," Cheong said.

CHALLENGES AND OPPORTUNITIES

While drone prices have dropped from around RM50,000 to about RM21,000, affordability remains a barrier for some farmers.

Financing schemes and partnerships with banks such as Agrobank are helping to ease the burden, allow-

ing farmers to pay in installments or align repayments with harvest cycles.

Weather conditions can also pose challenges, but the availability of local service centres helps minimise downtime.

"For farmers, two or three days of delay can mean losing their crops. Response time is critical," said Cheong.

THE BIG PICTURE

Beyond boosting efficiency, drones can reduce water use by up to 85 per cent compared with manual spraying, thus improving workplace safety.

With an ageing farming population, they are also making agriculture more attractive to younger Malaysians.

"Instead of carrying a 30kg sprayer under the sun, they can now operate drones under the shade of a tree," Cheong said.

Still, the industry faces a shortage of skilled pilots, technicians and engineers — prompting companies to recruit talent from other sectors such as automotive and semiconductors.

Despite these hurdles, Cheong remains optimistic.

"Over the next few years, the industry will continue to mature and improve," he said.

For now, the sight of drones hovering over Malaysia's fields is no longer science fiction, but a glimpse of a future where technology, training and innovation come together to transform farming.